



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENINGKATKAN KEMAHIRAN PERMAINAN REKODER SOPRANO PELAJAR TAHUN 4 MELAU KAEDAH PEMBELAJARAN MASTERI

KAMARIAH BT ABU MANSUR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN MUZIK
FMSP**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2015**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh manakah kaedah pembelajaran masteri dapat membantu meningkatkan kemahiran permainan rekoder dari segi kemahiran memainkan nilai notasi yang tepat dan penjarian rekoder yang betul. Seramai sepuluh orang pelajar tahun empat di sebuah Sekolah Kebangsaan Tasik Puteri 2 Bandar Tasik Puteri Rawang Selangor telah dipilih secara rawak sebagai subjek kajian. Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Kuasi eksperimen telah digunakan sebagai metodologi kajian dengan ujian pra dan ujian pos, soal selidik, temu bual dan pemerhatian sebagai instrumen kajian. Dapatan data kemahiran memainkan nilai notasi menunjukkan peningkatan peratus dari 30% kepada 88%. meningkat sebanyak 58 peratus manakala dapatan data penjarian rekoder menunjukkan peningkatan peratus dari 42% kepada 98% meningkat sebanyak 56 peratus. Secara keseluruhan, dapatan data antara ujian pra dan ujian pos menunjukkan peningkatan sebanyak 114 peratus. Dapatan data soal selidik, temu bual dan pemerhatian pula telah menyokong dapatan data ujian pra dan pos mengenai peningkatan kemahiran permainan rekoder soprano dari segi kemahiran memainkan nilai notasi dan penjarian rekoder dengan kaedah pembelajaran masteri.





ABSTRACT

The aim of this research was to detect the effectiveness of mastery learning method to help raise the recorder playing skill using the exact note value playing skill and the correct fingering on the recorder. For this research, ten pupils in Year Four from Sekolah Kebangsaan Tasik Puteri 2 Bandar Tasik Puteri Rawang Selangor have been selected at random as research subject. This research was conducted by using the combination of quantitative and qualitative approach. Quasi experiment was used as the methodology. Pre Test, Post Test, Questionnaires, Interviews and Observations were used as research instruments to collect the data. From the data collected, it was found that using the exact note value skill recorded an increase from 30% to 88% whereas using the exact fingering skills showed an increase from 42% to 98%. Overall, the data recorded between the Pre Test and the Post Test was 114%. The data from Questionnaires, Interviews and Observations also supported the data from Pre and Post Test which showed an increase in skills on playing soprano recorder using the exact note value and the fingering with the mastering learning method.



ISI KANDUNGAN

MUKA HADAPAN	i
TAJUK	ii
PENGESAHAN	iii
PENGAKUAN	iv
DEDIKASI.....	v
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACK	viii
ISI KANDUNGAN.....	ix
SENARAI RAJAH DAN FOTO	xiii
SENARAI JADUAL DAN GRAF.....	xv

RUJUKAN

LAMPIRAN

BAB 1

1.1 PENDAHULUAN.....	1
1.2 Latar belakang kajian.....	2
1.3 Masalah kajian.....	3
1.4 Objektif kajian	4
1.5 Persoalan kajian	4
1.6 Kepentingan kajian	4
1.7 Batasan kajian.....	5
1.8 Rumusan.....	5

BAB 2**TINJAUAN BACAAN**

2.1 Kajian tindakan.....	6
2.1.2 Ciri-ciri kajian tindakan.....	7
2.1.2 Tujuan-tujuan kajian tindakan.....	7
2.2 Pendidikan muzik di Malaysia.....	8
2.3 Kelebihan pendidikan muzik.....	10
2.4 Masalah pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik di Malaysia.....	13
2.5 Kaedah pembelajaran masteri.....	15
2.6 Pembelajaran masteri mengikut perspektif teoritikal.....	23
2.6.1 Kemahiran pembelajaran masteri mengikut perspektif teoritikal kemahiran Berfikir.....	23
2.6.2 Kemahiran pembelajaran masteri mengikut perspektif teoritikal pelbagai Kecergasan.....	24
2.6.3 Pembelajaran masteri mengikut perspektif teoritikal teori kognitif piaget.....	26
2.6.4 Pembelajaran masteri mengikut perspektif teoritikal pendekatan hieraki Taksonomi.....	28
2.6.5 Pembelajaran masteri mengikut perspektif teoritikal ingatan.....	28
2.6.6 Pembelajaran masteri mengikut perspektif teoritikal model pengajaran sim.....	30
2.7 Rekoder soprano.....	32
2.8 Kajian berkaitan.....	38
2.8.1 Kajian dalam Negara.....	38
2.8.2 Kajian luar Negara.....	39
2.8.3 Notasi muzik KBSR dan Kssr.....	42
2.9 Rumusan.....	42

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan.....	43
3.2 Hipotesis kajian.....	43
3.3 Kumpulan sasaran.....	43
3.4 Rumusan.....	50
3.5 Cara pengumpulan data.....	50
3.6 Reka bentuk kajian.....	50
3.7 Alat kajian.....	52
3.8 Tatacara pengumpulan data.....	56
3.9 Cara analisis data.....	60
3.10 Kajian rintis.....	63
3.11 Rumusan.....	64

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan.....	65
4.2 Dapatan ujian pra dan ujian pos.....	66
4.3 Taburan data soal selidik.....	72
4.4 Analisa dapatan ujian temubual.....	79
4.5 Analisa data pemerhatian pra.....	89
4.6 Dapatan temubual.....	92
4.7 Rumusan.....	94

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Rumusan dapatan kajian.....	96
---------------------------------	----



5.2 Implikasi dapatan kajian.....	100
5.3 Cadangan.....	102
5.4 Cadangan kajian lanjutan.....	104
5.5 Rumusan.....	104

SENARAI RAJAH DAN FOTO

1. Peringkat pembelajaran masteri.....	23
2. Model sim.....	32
3. Rajah struktur rekoder.....	34
4. Cara memegang rekoder.....	35
5. Sistem nombor penjarian rekoder.....	36
6. Susunan jari pada lubang rekoder.....	37
7. Carta penjarian rekoder.....	37
8. Penjarian notasi B,G,C,D.....	38

SENARAI JADUAL DAN GRAF

1. Jadual 3.1.....	48
2. Jadual 3.2.....	49
3. Jadual 3.3.....	57
4. Jadual 3.4.....	58
5. Jadual 3.5.....	63
6. Jadual 4.1.....	66
7. Jadual 4.2.....	67
8. Jadual 4.3.....	68
9. Jadual 4.4.....	69
10. Jadual 4.5.....	70
11. Jadual 4.6.....	71
12. Jadual 4.7.....	72
13. Jadual 4.8.....	73
14. Jadual 4.9.....	74
15. Jadual 4.10.....	76
16. Jadual 4.11.....	78
17. Jadual 4.12.....	79
18. Jadual 4.13.....	80
19. Jadual 4.14.....	81
20. Jadual 4.15.....	83
21. Jadual 4.16.....	85
22. Jadual 4.17.....	87
23. Jadual 4.18.....	88



24. Jadual 4.19.....	89
25. Jadual 4.20.....	90
26. Jadual 4.21.....	91
27. Jadual 5.1.....	95



BAB 1

1.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji menyatakan definisi secara ringkas maksud pengajaran dan pembelajaran, refleksi pengajaran dan pembelajaran serta refleksi nilai pendidikan. Perbincangan adalah berkaitan dengan masalah yang sering dihadapi oleh kebanyakan guru muzik iaitu kemahiran memainkan nilai notasi yang tepat dan penjarian rekoder yang betul semasa memainkan rekoder. Bab ini juga diterangkan fokus kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan kepentingan kajian.



Mengikut Kamus Dewan (2007) dalam Ooi Kheng Yeik (2011) pengajaran dapat didefinisikan sebagai perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan +mengajar seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan dan ia juga meliputi segala sesuatu cara atau perbuatan yang diajarkan.

Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Pengajaran ini meliputi semua aspek contohnya, aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian yang bertujuan untuk menyebarkan ilmu.

Crow dan Crow (1983) dalam Ooi Kheng Yaik (2010) mendefinisikan pembelajaran sebagai satu perolehan tabiat, pengetahuan dan sikap. Ia melibatkan cara baru membuat sesuatu kerja, dan ia akan bertugas dalam percubaan individu untuk mengatasi rintangan atau untuk menyesuaikan diri kepada situasi baru.





Pembelajaran merupakan satu proses perubahan tingkah laku yang progresif sambil individu itu bertindak balas kepada sesuatu situasi atau pelbagai situasi dalam menyesuaikan tingkah lakunya dengan berkesan kepada permintaan yang dibuat terhadapnya. Ia juga membolehkan individu memenuhi minat atau mencapai matlamat.

Kesimpulannya boleh kita katakan bahawa pengajaran dan pembelajaran sangat berkait rapat. Bagi memastikan pelajar dapat menguasai pembelajaran dengan efektif maka kaedah pengajaran yang sesuai sangat perlu diamalkan oleh seorang dalam pengajaran dan pembelajaran.

Ia juga bagi memastikan objektif pengajaran tercapai. Ini bermakna satu kewajipan dan pengorbanan sangat diperlukan daripada seorang guru bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berkesan kepada pelajar. Tugas menyampaikan ilmu tidak boleh dianggap remeh dan sambil lewa bagi memastikan ianya bermanfaat.

1.2 LATARBELAKANG KAJIAN

Sepanjang bergelar sebagai seorang guru muzik di sekolah rendah selama hampir 20 tahun di empat buah sekolah yang berlainan, pengkaji dapat melihat terdapat beberapa permasalahan yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran rekoder khususnya. Tetapi masalah tersebut tidak dapat diatasi oleh saya dengan sepenuhnya kerana memandangkan ruang dan kekangan masa yang tidak menyebelahi saya untuk mengatasi masalah tersebut dengan cara yang efektif.

Ini adalah kerana pengkaji terikat dengan tugas biasa sebagai seorang guru yang perlu mengajar mengikut jadual waktu yang ditetapkan dan perlu





menghabiskan sukatan mengikut perancangan. Oleh itu apabila pengkaji berpeluang untuk menjalankan kajian tindakan ini, pengkaji telah berusaha bersungguh-sungguh untuk merungkaikan permasalahan dan menggunakan ilmu dalam bidang kajian tindakan untuk mengaplikasikan kaedah pengajaran masteri sepenuhnya bagi membuktikan samada kaedah ini sesuai atau tidak bagi menyelesaikan masalah permainan rekoder pelajar tahun 4 disekolah pengkaji sendiri.

1.3 MASALAH KAJIAN

Dari pengalaman mengajar saya, didapati semasa proses pengajaran dan pembelajaran permainan rekoder dijalankan, pelajar-pelajar saya menunjukkan minat yang tinggi dan sentiasa memberi tumpuan dalam pengajaran rekoder. Namun diakhir pelajaran mereka tidak dapat menguasai kemahiran memainkan nilai notasi dan penjarian rekoder yang betul. Tambahan lagi selepas sesi pelajaran pelajar tidak dapat membuat ulangkaji atau latihan permainan rekoder.

Akibatnya pada sesi pengajaran dan pembelajaran akan datang pelajar terpaksa bermain lagu yang baru dengan cara yang sama iaitu tidak mahir dalam penjarian dan pembacaan notasi. Ini mendorong saya untuk mencari satu kaedah yang benar-benar sesuai untuk diimpilmentasikan bagi mengatasi masalah pelajar dalam permainan rekoder.

Justeru itu saya telah memilih kaedah pembelajaran masteri bagi meningkatkan kemahiran permainan rekoder pelajar saya dengan tumpuan kepada penjarian dan memainkan notasi yang betul semasa bermain rekoder.





1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Secara terperinci objektif kajian adalah:

1. Meningkatkan kemahiran memainkan rekoder dengan penjarian yang tepat dalam kalangan pelajar tahun 4 melalui kaedah pembelajaran masteri.
2. Meningkatkan kemahiran membaca notasi secara tepat dalam permainan rekoder dikalangan pelajar tahun 4 melalui kaedah pembelajaran masteri.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah kaedah pembelajaran masteri dapat meningkatkan kemahiran penjarian permainan rekoder yang betul dalam kalangan pelajar tahun 4?
2. Adakah kaedah pembelajaran masteri dapat meningkatkan kemahiran membaca notasi semasa memainkan rekoder soprano dalam kalangan pelajar tahun 4?



1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan sebagai satu tanggungjawab sebagai seorang guru muzik yang berpengetahuan dan berkemahiran, maka ia adalah amat penting untuk meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar menguasai permainan rekoder sehingga optimum untuk merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang ingin mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, emosi, social dan fizikal.

Kajian ini adalah penting untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam memainkan rekoder melalui kaedah pembelajaran masteri.





1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya melibatkan tindakan menggunakan kaedah pembelajaran masteri untuk melihat keberkesanannya di sekolah pengkaji sahaja. Yang mana sample adalah diajar sendiri oleh pengkaji. Ia mungkin memberi kesan yang berbeza sekiranya diberi tindakan yang sama di sekolah lain. Oleh itu hasil kajian tidak boleh digeneralisaikan kepada semua sekolah, terutamanya sekolah berbilang kaum kerana tahap penguasaan mungkin berbeza.

Sekolah yang dibuat kajian adalah seratus peratus pelajar berbangsa melayu. Kaedah dan pendekatan mengajar mungkin berbeza dengan sekolah lain. Walaubagaimanapun hasil kajian boleh dibuat rujukan untuk sekolah rendah yang sama watak dengan sekolah pengkaji.



1.8 RUMUSAN

Bab ini telah menjelaskan tentang objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan hipotesis kajian secara terperinci. Juga masalah pembelajaran permainan rekoder yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di sekolah rendah kebangsaan yang telah diajar oleh pengkaji berdasarkan pengalaman pengkaji sendiri.

Beberapa aspek telah dikenalpasti oleh pengkaji sebagai masalah yang perlu diberi tumpuan untuk diselesaikan dengan menjalankan kajian tindakan ini. Iaitu masalah penjarian dan masalah pembacaan notasi semasa memainkan rekoder. Juga diterangkan kepentingan kajian.





BAB 2

TINJAUAN BACAAN

2.1 KAJIAN TINDAKAN

Berikut menerangkan latar belakang, definisi, ciri-ciri dan tujuan-tujuan Kajian Tindakan. Menurut Chee, K. M. (2011) dalam Ooi Kheng Yeik (2011) Kajian Tindakan merupakan salah satu bidang soal selidik dan kajian berbentuk refleksi sendiri yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik atau individu. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengesan keadaan dan masalah dalam amalan-amalan pendidikan atau sosial.

Selain daripada itu kajian tindakan juga digunakan untuk meningkatkan kefahaman terhadap amalan pendidikan atau sosial, dan seterusnya menambahbaik keadaan amalan-amalan tersebut. Dalam situasi pengajaran dan pembelajaran juga kajian tindakan adalah satu kaedah professional keguruan untuk mengkaji masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya menyelesaikan masalah – masalah dalam pendidikan formal dan tidak formal.

Menurut *Oxford Advanced Learner's Dictionary 7th Edition* (2005:14) dalam Ooi Kheng Yeik (2011) perkataan “*action*” bermaksud *the process of doing something in order to make something happen or to deal with a situation*. Ia bermaksud proses untuk melakukan sesuatu untuk membuat sesuatu berlaku atau menangani sesuatu situasi.

Manakala untuk perkataan “*research*” dalam *Oxford Advanced Learner's Dictionary 7th Edition* (2005:1242) pula bermaksud *a careful study of an object especially in order to discover new facts or information about it*. Ia bermaksud kajian





yang cermat terhadap sesuatu objek terutamanya untuk mencari fakta-fakta baru atau infomasi tentang sesuatu.

Secara khususnya, Chee(2011:1) menjelaskan penyelidikan boleh ditakrifkan sebagai suatu inkuiri yang sistematik dengan tujuan untuk menghasilkan ilmu pengetahuan baru sama ada untuk membuktikan dapatan-dapatan kajian lepas atau memperkukuhkan sesuatu teori.

2.1.1 CIRI-CIRI KAJIAN TINDAKAN

Dalam proses penyelidikan , kajian tindakan lazimnya dijalankan secara berkumpulan dan usaha sama yang menekankan perhubungan teori dengan amalan . Ia bertujuan untuk membentuk sikap komuniti supaya mempunyai sifat kritis terhadap



persekitaran.

Ia juga bertujuan untuk membaiki kerja sendiri dan kerja berkumpulan untuk kebaikan orang lain serta terarah kepada renungan sendiri yang merangkumi empat peringkat iaitu tinjauan, perancangan, pelaksanaan dan pemerhatian serta refleksi.

Chee, K. M. (2011).

2.1.2 TUJUAN-TUJUAN KAJIAN TINDAKAN

Dewasa ini Penyelidikan tindakan telah menjadi kajian yang amat penting dan sangat bermanfaat untuk perkembangan-perkembangan kurikulum sekolah dan profesionalisme keguruan. Menggalakkan guru dan pendidik membuat refleksi serta merungkaikan seterusnya menyelesaikan masalah pendidikan adalah tujuan utama





menjalankan penyelidikan tindakan di Institusi Pendidikan dan diperingkat sekolah juga.

Diperingkat sekolah juga guru-guru digalakkan membuat penyelidikan tindakan dengan diberi sokongan oleh pentadbir dan juga ganjaran oleh Pejabat pendidikan Daerah misalnya menjawat jawatan sebagai guru cemerlang. Dengan adanya penyelidikan tindakan masalah yang ditemui dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat diselesaikan. Segala kekurangan semasa menggunakan berbagai kaedah pengajaran juga dapat diatasi dan prestasi dapat ditingkatkan. Ooi K.Y (2011).

2.2 PENDIDIKAN MUZIK DI MALAYSIA

Menurut Johami Abdullah (1997:7)



“Pada tahun 1950-an, Pelajaran Muzik dalam bentuk siaran ke sekolah-sekolah telah dimulakan oleh Radio Malaya tetapi hanya sekolah-sekolah di Bandar yang berupaya mengadakan kemudahan radio dapat mengikutisiran ini. Pelajar-pelajar dari kelas-kelas tertentu dikehendaki pergi ke dewan sekolah untuk mengikuti siaran tersebut. Selain itu, para pelajar juga sudah mula bermain alat-alat genderang sebagai aktiviti sampingan untuk nyanyian di beberapa buah Sekolah Inggeris yang tertentu. Aktiviti tiupan rekorder juga telah diadakan di beberapa buah sekolah, khususnya di bandar-bandar utama.”

Menurut Johami Abdullah (1997:10), pendidikan muzik telah dijadikan sebagai satu matapelajaran wajib bagi semua sekolah rendah di Malaysia pada tahun 1979 yang telah ditetapkan oleh satu jawatankuasa cabinet. Kurikulum Baru yang telah digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu KBSR telah memasukkan pendidikan muzik sebagai satu matapelajaran wajib. Sukatan pelajaran muzik bagi tahap satu iaitu tahun 1 hingga 3 telah dirancang di pusat perkembangan kurikulum. Program ini kemudian diuji di beberapa buah sekolah terpilih pada 1982. Kemudian ia dilaksanakan sepenuhnya pada 1983 diseluruh sekolah di Malaysia.





Pendidikan Muzik merupakan salah satu daripada lima belas mata pelajaran yang diajar di Sekolah Rendah. Pendidikan Muzik dan mata pelajaran yang lain memainkan peranan yang penting untuk memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu.

Dalam Falsafah Pendidikan Negara, Sukatan Pelajaran Pendidikan (2002:5) menerangkan Pendidikan dinyatakan sebagai satu usaha yang berterusan yang harus mampu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Menurut Dato' Seri Abdul Shukor, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia ketika itu telah menyatakan Pendidikan Muzik akan juga mendukung hasrat mulia ini untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara.

Menurut Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Pendidikan Muzik, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) (2000:2), Pendidikan Muzik di Malaysia bertujuan melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang asas tentang muzik, mempunyai kemahiran minimum dalam penghasilan muzik, berpotensi dalam aspek kreativiti dan inovasi, dapat menghargai dan menikmati estetika muzik dan dapat mengamalkan nilai murni.

Lantaran itu, matlamat Pendidikan Muzik di Malaysia berhasrat untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan muzik dan justeru membolehkan mereka mengapresiasi muzik.

Pada tahun 2010 KSSR telah diperkenalkan bagi menambah baik nilai kurikulum pendidikan muzik di Malaysia. Beberapa objektif telah disarankan.





“Kurikulum Pendidikan Muzik Tahun Empat bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut;

- i. menyanyikan lagu dengan ton suara dan ekspresi yang sesuai serta pic, sebutan dan artikulasi yang betul mengikut tempo.
- ii. memainkan alat perkusi dengan ekspresi yang sesuai berdasarkan skor mengikut tempo,
- iii. melakukan pergerakan berdasarkan muzik yang didengar,
- iv. memainkan rekorder dengan teknik yang betul berdasarkan skor,
- v. menghasilkan idea muzik menggunakan vokal dan alat perkusi,
- vi. mengenal pasti pelbagai muzik yang didengar,
- vii. menama dan menulis simbol muzik, not, tanda rehat dan meter; dan
- viii. mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzik. “(BPK KPM 2014)

2.3 KELEBIHAN PENDIDIKAN MUZIK

Pendidikan Muzik bukan sahaja dapat membolehkan pelajar memperoleh lebih kemahiran, malah ia dapat mengembangkan pelajar secara menyeluruh dari segi fizikal, emosi, rohani, intelek dan sosial yang selaras dengan FPN.



“...And as neuroscientists Nina Kraus and Bharath Chandrasekaran of Northwestern University in Evanston, Illinois, point out in a review published today in Nature Reviews Neuroscience, there is good evidence that music training reshapes the brain in ways that convey broader cognitive benefits. It can, they say, lead to "changes throughout the auditory system that prime musicians for listening challenges beyond music processing".”(Philip Ball, 2010)

Ball(2010) menyatakan ahli sains neuro, Kraus.N dan Chandrasekaran. Byang dari Universiti Northwestern, di *Evanston, Illinois*, telah menjalankan kajian ke atas perkaitan latihan muzik dengan perkembangan otak.Kajian mereka telah menunjukkan latihan muzik dapat membentuk pemikiran otak (kognitif) secara meluas iaitu muzik juga boleh menyebabkan perubahan positif kepada sistem pendengaran seseorang.

“...music lessons improve children's IQ, given that they will nourish general faculties such as memory, coordination and attentiveness. Kraus and Chandrasekaran now point out that, thanks to the brain's plasticity (the ability to 'rewire' itself), musical training sharpens our sensitivity to pitch, timing and timbre, and as a result our capacity to discern emotional intonation in speech, to learn our native and foreign





languages, and to identify statistical regularities in abstract sound stimuli."(Philip Ball, 2010)

Dengan itu, Kraus dan Chandrasekaran dalam Ball.P (2010) menerangkan mempelajari Pendidikan Muzik dapat meningkatkan IQ pelajar, perhatian, koordinasi, perhatian, keupayaan meluahkan emosi dan sebagainya. Kraus dan Chandrasekaran menyatakan latihan muzik sebenarnya memberi kesan positif yang ketara ke atas kemahiran-kemahiran lain.

Muzik dapat merangsangkan otak dalam pembelajaran. Muzik juga dapat menajamkan kepekaan pelajar kepada pic dan masa. Ekoran daripada itu, pelajar yang mempelajari Pendidikan Muzik dapat membezakan intonasi dalam ucapan dan belajar pelbagai bahasa yang berlainan.



Para ahli sains neuro, Kraus dan Chandrasekaran dari *Northwestern University* di Evanston melaporkan hasil penelitiannya di jurnal *Nature Reviews Neuroscience*. Mereka menemukan bahawa latihan muzik dapat mengubah bentuk otak sehingga meningkatkan pencapaian akademik. Mereka menyatakan bahawa latihan muzik dapat mempertajamkan sensitiviti pada ketukan, masa dan nada serta bahasa.

Kraus dan Chandrasekaran dengan tegas berpendapat bahawa latihan muzik di sekolah harus dipertingkatkan dengan alasan yang tepat, iaitu meningkatkan kemampuan belajar dan latihan mendengar dalam kecerdasan bahasa. Muzik bukanlah sekadar pelajaran tambahan untuk menyalurkan hobi semata-matanya. Malah, muzik seharusnya dijadikan sebagai latihan "senaman" bagi otak untuk memperkayakan nilai-nilai kreativiti, kehidupan sosial dan kemanusiaan.

"Dr Laurel Trainor, Professor of Psychology, Neuroscience and Behaviour at McMaster University and Director of the McMaster Institute for Music and the Mind, said: "This is the first study to show that brain responses in young, musically trained and untrained children change differently over the course of a year. These changes are likely to be related to the cognitive benefit that is seen with musical training."





Prof Trainor led the study with Dr Takako Fujioka, a scientist at Baycrest's Rotman Research Institute.” (Trainor dalam Ellis Ellis, 2006)

Selain itu, Trainor yang merupakan seorang Professor Psikologi, Sains Neuro dan Behaviourisme dari Universiti Mc Master dan Direktor dari Institut Mc Master untuk Muzik dan Minda dalam Ellis (2006) menyatakan perkembangan kanak-kanak adalah berbeza jikalau dibandingkan dengan kanak-kanak yang mendapat Pendidikan Muzik dengan kanak-kanak yang tidak mendapat Pendidikan Muzik. Perubahan adalah berkait rapat dengan kebaikan kognitif dalam latihan muzik.

“Prof Trainor said: "That the children studying music for a year improved in musical listening skills more than children not studying music is perhaps not very surprising. On the other hand, it is very interesting that the children taking music lessons improved more over the year on general memory skills that are correlated with non-musical abilities such as literacy, verbal memory, visiospatial processing, mathematics and IQ than did the children not taking lesson” (Trainor dalam Ellis Ellis, 2006)



Trainor dalam Ellis (2006) menjelaskan kanak-kanak yang belajar muzik dalam masa setahun memperoleh kemajuan dalam kemahiran pendengaran dalam muzik. Selain itu, kanak-kanak yang mempelajari muzik dapat memperoleh kemajuan dalam kemahiran yang selain daripada kemahiran muzik iaitu kemahiran bahasa, matematik, visual-spatial dan perkembangan kognitif yang lain berbanding dengan kanak-kanak yang tidak belajar muzik.

“Dr Fujioka added: "Previous work has shown assignment to musical training is associated with improvements in IQ in school-aged children. Our work explores how musical training affects the way in which the brain develops. It is clear that music is good for children's cognitive development and that music should be part of the pre-school and primary school curriculum.””(Fujioka dalam Ellis, 2006)

Fujioka dalam Ellis (2006) menerangkan kajian mengenai rangsangan otak melalui Pendidikan Muzik yang dijalankan secara bersama oleh Trainor.L dan Fujioka telah menunjukkan terdapat peningkatan keupayaan mengingat IQ dalam diri kanak-





kanak yang mempelajari Pendidikan Muzik. Selain itu, keupayaan motor sensori dan psikomotor kanak-kanak juga akan meningkat.

Fujioka telah mengeksplotasikan bagaimana latihan muzik dapat mempengaruhi perkembangan otak kanak-kanak. Ia telah menunjukkan Pendidikan Muzik adalah sangat baik untuk perkembangan kognitif kanak-kanak dan Pendidikan Muzik sepatutnya menjadi sebahagian dalam bahagian kurikulum sekolah.

Di samping itu, Haji Muhammad Zakaria (2005:118) juga menerangkan muzik boleh merangsangkan pembelajaran seseorang. Muzik adalah sebagai hiburan selepas penat belajar. Ia boleh menghilangkan rasa mengantuk semasa belajar pada sebelah malam. Muzik membuat otak kanan berfungsi aktif bagi mengimbangi otak kiri yang letih menerima fakta dan maklumat serta artis yang berjaya dalam bidangnya boleh memberi semangat untuk berjaya di dalam bidang pelajaran.



Nur Amalina dalam Haji Muhammad Zakaria (2005:118) berpendapat muzik yang ringan dan lembut menggerakkan otak kanan untuk mengimbangi otak kiri yang bekerja keras untuk mengingat dan menghafal.

2.4 MASALAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MUZIK DI MALAYSIA

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik di Malaysia juga mempunyai masalahnya. Ketua Pengarah Pelajaran, Alimuddin Mohamad Dom telah memberi perhatian yang serius kepada penekanan dan perhatian kepada mata pelajaran Bahasa Inggeris telah menyebabkan subjek-subjek lain kurang diberi perhatian. Malah, waktu mata pelajaran Muzik yang sebagai mata pelajaran tidak teras ini terpaksa “dikorbankan” untuk mata pelajaran teras.





Menurut Utusan Online (2009), Ketua Pengarah Pelajaran, Alimuddin Mohamad Dom berkata, "Ibu bapa tidak perlu risau dengan tambahan waktu Bahasa Inggeris itu kerana waktu pembelajaran subjek lain akan dikurangkan tanpa menjejaskan pelajaran subjek itu. Misalnya mungkin kita akan mengurangkan waktu subjek Muzik untuk memberi lebih masa kepada subjek Bahasa Inggeris." katanya pada sidang akhbar.

Menurut beliau, ia sebagai langkah memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris tanpa membebankan pelajar dan guru dengan tambahan waktu persekolahan. Dengan itu, waktu mata pelajaran Pendidikan Muzik akan dikurangkan dan adalah tidak cukup untuk memperkembangkan potensi dan bakat pelajar-pelajar secara menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, psikologi dan sosial.



Kosmo Online (2011) menceritakan dengan keadaan yang mungkin akan merugikan pelajar sekolah jika benar rancangan pengurangan masa Pendidikan Muzik dilaksanakan, hal ini perlu dibincangkan lebih serius dan mendalam lagi bagi mengupas nilai pemikiran serta kreativiti dalam ilmu muzik yang masih lagi diperlekeh ramai.

Menurut Kosmo Online (2011), jika dicabang-cabangkan, bidang muzik juga mampu merangkumi kerjaya lain selain menjadi ahli muzik. Dengan memandang serius mengenai isu ini, pasti generasi sekarang lebih didedahkan dengan muzik yang mampu dinilai sendiri dengan bijak. Pendidikan Muzik bukan sahaja boleh melahirkan masyarakat yang bijak dalam muzik tetapi juga tahap apresiasi terhadap sebuah karya itu juga lebih tinggi.

Selain itu, Kosmo Online (2011) juga menyatakan ia mungkin akan menjadi satu masalah besar kepada pengajar muzik di Institusi Pengajian Tinggi apabila





pelajar-pelajar baru mereka mengambil kursus muzik tanpa sebarang asas mengenai bidang berkenaan.

Menurut pensyarah vokal moden Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) yang juga merupakan seorang penyanyi, Dia Fadila, keadaan pengurangan masa bagi pelajaran muzik akan lebih menyusahkan tenaga pengajar di Institusi Pengajian Tinggi. “Untuk menjadi seorang penyanyi profesional yang bagus, mereka perlu dipupuk sejak kecil lagi. Tetapi dengan masa yang begitu pendek, saya pasti, pelajar sekolah tidak akan dapat merasa ilmu muzik yang sebenar”.

Oleh yang demikian, mata pelajaran Muzik yang tidak teras ini sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam perkembangan psikologi, emosi, intelek, jasmani, rohani dan sosial seseorang kanak-kanak. Tumpuan yang keterlaluan kepada mata pelajaran teras akan menyebabkan perkembangan pelajar-pelajar menjadi



tidak harmonis dan seimbang.

2.5 KAEDAH PEMBELAJARAN MASTERI

Menurut The Free Dictionary, “*mastery*” bermaksud “*possession of consummate skill; the status of master or ruler; control; and full command of a subject of study*” iaitu masteri adalah memiliki kemahiran yang sempurna, penguasaan atau kawalan yang penuh terhadap sesuatu pembelajaran. *Oxford Advanced Learner’s Dictionary 7th Edition* (2005:907) juga menerangkan maksud *mastery* adalah “*great knowledge about or understanding of a particular thing*” iaitu masteri adalah berpengetahuan atau pemahaman tentang sesuatu.





Dalam *Oxford Advanced Learner's Dictionary 7th Edition* (2005:840), *“learning”* pula bermaksud *knowledge that you get from reading and studying* iaitu pembelajaran adalah pengetahuan yang terdapat daripada pembacaan.

Pembelajaran Masteri adalah dikenali sebagai pembelajaran penguasaan. Perkataan masteri berasal daripada Bahasa Inggeris yang mempunyai erti seperti kehandalan, kepandaian ataupun menguasai sesuatu kemahiran dengan cekap dan lengkap. Berdasarkan huraian ini, pembelajaran masteri boleh diertikan sebagai kehandalan penguasaan pembelajaran seperti menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan cekap dan lengkap.

“Mastery learning proposes that all children can learn when provided with the appropriate learning conditions in the classroom.” (Laman Web Funderstanding, 2008)



Laman Web Funderstanding (2008) menerangkan Pembelajaran Masteri merupakan kanak-kanak dapat belajar ketika disediakan suasana pembelajaran yang sesuai dalam bilik darjah. Muhamad Khairi (2008) juga menerangkan Pembelajaran Masteri merupakan pendekatan yang memfokuskan kejayaan pelajar menguasai sesuatu perkara yang diajar. Semua pelajar perlu dipastikan menguasai hasil pembelajaran dalam satu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran seterusnya.

Pembelajaran Masteri memerlukan masa yang mencukupi, proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan guru perlu menyedari bahawa pelajar mempunyai kebolehan dan keperluan yang berbeza, pendekatan yang sesuai, berpengetahuan dan memiliki kemahiran asas sebelum beralih kepada kemahiran berikutnya.

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2002:1) memberi penerangan Pembelajaran Masteri adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berfokus kepada penguasaan pelajar dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Melalui

